

24/09/1997

Tujuh pelajar terima Biasiswa Perdana

Rudy Sham Ab Raof

TUJUH pelajar yang sedang menuntut dalam pengajian masing-masing di peringkat Doktor Falsafah (PhD) dan sarjana di luar negara menjadi kumpulan pertama penerima Biasiswa Perdana.

Mereka menerima biasiswa itu daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu majlis yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur, semalam.

Mereka ialah Aida Othman, Lim Kian Tick, Wan Haslina Hassan, Abdul Razak Abdul Aziz, Hasniza Mohd Hassan, Mohamad Fahmi Ngah dan Yu Ei Leen.

Ketika ditemui Mohamad Fahmi, 22, berkata biasiswa yang diterima itu amat bernilai bagi dirinya dan keluarga kerana menjadi pelajar pertama menerima biasiswa berkenaan.

"Saya berasa terharu apabila menerima tawaran biasiswa ini dan menaikkan semangat saya untuk membantu negara mencapai matlamat Wawasan 2020," kata bekas graduan ijazah pertama dalam bidang Polimer Sains dan Kejuruteraan dari Queen Mary Universiti London.

Fahmi berkata, beliau akan melanjutkan pelajarannya di peringkat sarjana dalam bidang Polimer Sains dan Kejuruteraan di Universiti London tidak lama lagi.

Sementara itu, Abdul Razak, 37, berkata biasiswa itu memberi kepuasan kepadanya dan akan berusaha untuk meneruskan cita-citanya sebagai ahli akademik terbaik.

"Saya bersyukur kerana terpilih menerima biasiswa ini dan ia membuka lembaran baru kepada diri saya untuk terus membantu negara melahirkan cendekiawan pada masa depan," katanya yang kini bertugas sebagai pensyarah seni muzik di Universiti Sains Malaysia (USM).

Razak akan melanjutkan pelajarannya di peringkat PhD dalam bidang seni muzik di Belgium.

Biasiswa Perdana itu diadakan di bawah program Pertukaran Fellowship Perdana Menteri iaitu sebuah yayasan yang ditubuhkan pada 1995 bertujuan menggalakkan kecemerlangan pendidikan di kalangan rakyat Malaysia menerusi kajian dan penyelidikan dalam semua lapangan bagi membantu negara mencapai matlamat Wawasan 2020.

Biasiswa berprestij yang dikendalikan oleh Institut Strategi dan Pengajian Antarabangsa (Isis) itu diberikan kepada pelajar yang mencatat keputusan tertinggi dalam peperiksaan masing-masing ketika menuntut di universiti luar negara.

Hasniza, 24, berkata dia gembira kerana dipilih sebagai penerima biasiswa itu dan akan membuktikan pada negara bahawa pemilihan itu tidak akan disia-siakan.

"Saya akan memastikan anugerah yang diberikan itu menjadi satu perangsang kepada saya untuk terus berusaha dan maju dalam bidang pendidikan sekaligus membantu negara dalam arena teknologi," katanya yang akan melanjutkan pelajaran sarjana dalam bidang Teknologi Maklumat dan Undang-Undang Siber di King's College, London, tidak lama lagi.

(END)